

97 pelajar UMS berkampung di SDD Heritage

UB 9/11/2015

KUNDASANG: Seramai 87 pelajar mengadakan program kajian lapangan selama tiga hari bermula dari 29 November hingga 1 Disember 2019 anjuran pelajar AG20703 Pengantar Klimatologi UMS yang bertujuan mengumpul maklumat dan mendokumentasi hasil kajian sebagai rujukan pada masa akan datang.

Pelajar diiringi oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS merangkap pensyarah Pengantar Klimatologi Profesor Madya Dr. Ramzah Dambul dan Suriyanah Laude, selaku pembantu pensyarah.

Dr. Ramzah berkata, kedudukan SDD Heritage yang berada dalam kawasan pelancongan Gunung Kinabalu membolehkannya dijadikan produk pelancongan yang mampu menarik kehadiran pelancong tempatan dan luar negara.

SDD Heritage merupakan pilihan yang terbaik kepada pengunjung domestik mahu-pun antarabangsa.

SDD Heritage mula ditubuhkan pada tahun 60-an yang terletak di Kg. Cin-tamata, Kundasang.

Keluasan SDD Heritage ialah 10 ekar dan 2 ekar digunakan oleh pihak kerajaan untuk membina jalan raya.

Tanah ini dimiliki oleh waris Sinteh Dambul (SD) Dumaring dan kini memiliki sebuah restoran dan 11 rumah inap desa yang merupakan salah satu kawasan pelancongan yang memiliki keindahan alam dan kepel-bagaian tumbuhan.

Bentuk muka bumi di kawasan SDD Heritage adalah berbentuk lembah. Suhu persekitaran di kawasan ini ialah berhawa dingin.

SDD Heritage ditubuhkan untuk memulihkan semula keadaan suhu hawa gunung dan mengembalikan semula nostalgia Kundasang pada sekitar tahun 70-an yang



KAJIAN LAPANGAN: Sesi bergambar 97 pelajar bersama pensyarah di SDD Heritage, Kundasang.

mana keadaan ekosistem dan suhu persekitaran adalah seimbang dan kaya dengan pelbagai spesies tumbuhan khususnya beri-beri liar dan spesies burung-burung tempatan.

Perubahan ekosistem di Kundasang dapat dilihat melalui perubahan cuaca dan iklim yang berpunca daripada penggunaan baja kimia yang berlebihan oleh petani untuk mengaut hasil keuntungan dengan lebih banyak.

Oleh itu, SDD Heritage berusaha untuk membiarkan tanaman di kawasan ini tumbuh secara semula jadi dan tiada penggunaan sebarang baja dan racun kimia bagi memelihara ekosistem yang terjejas dengan kaedah pertanian yang mesra alam sekitar selain menjadi tempat tarikan pelancong untuk menjana ekonomi di Kundasang.

Terdapat beri-beri liar atau lebih dikenali sebagai 'rogimot' dalam bahasa Dusun di SDD Heritage. Pelbagai jenis rogimot dengan rasa yang berbeza seperti manis bersari, manis sedap dan masam-masam manis boleh dinikmati.

Penanaman beri-beri liar dan tumbuhan yang lain menjadi tarikan bagi fauna seperti burung kokou dan bubut untuk mencari sumber makanan seterusnya makan serangga-serangga kecil yang mengancam.

tumbesaran tumbuh-tumbuhan serta dapat mengurangkan penggunaan baja kimia dan racun serangga.

SDD Heritage memiliki tarikan iaitu Buaian Cinta yang berlatitud paling tinggi di Malaysia iaitu 1300 meter dari aras laut yang terletak di Homestay Sulap Dahai dengan berlatarbelakangkan gunung dan lembah berserta udara yang segar.

Pengunjung yang datang pasti akan berasa gem-bira kerana dapat merasai pengalaman duduk di atas 'Buaian Cinta' sambil melihat pemandangan yang menarik dan keindahan alam di seke-lilingnya.

Berdekatan dengan Buaian Cinta juga terdapat sebuah kolam yang digelar Kolam Zen dengan menggunakan air graviti dari sungai. Kolam Zen mempunyai dua spesies ikan iaitu ikan emas dan talapia merah.

Restoran Selera Kebun pastinya akan menjadi tarikan pelancong kerana menyediakan menu-menu ala kam-pung antaranya nasi goreng kampung dan ikan masin sambal tuhau yang wajib dinikmati bagi mereka yang pertama kali bersinggah di SDD Heritage.

Koloyongon Walk membolehkan pengunjung yang datang untuk berjalan kaki semasa menjelajah kawasan

seluas 8 ekar di SDD Heri-tage sambil menikmati keindahan alam seperti kebun sayur, taman herba, ternakan ayam itik dan kolam ikan.

Anda juga akan dapat me-lihat pokok Kopi Robusta di tempat pelancongan ini yang menjadikan SDD Heritage sebagai kawasan yang kaya dengan variasi tanaman yang unik.

Sayur kubis juga merupakan salah satu sayuran yang banyak di tanam di SDD Heritage. Setiap tahun orang ramai akan datang ke Kundasang untuk menikmati suasana Pesta Kubis yang diadakan setiap tahun.

Kawasan sekitar SDD Heri-tage juga ditanam dengan bunga-bungaan seperti bunga balung ayam, bunga kekwa dan bunga loceng yang akan menarik minat peng-jung untuk melihat sendiri keindahan bunga-bungaan di kawasan tanah tinggi dan merasai kabus pergunungan yang segar.

Terdapat beberapa inap desa yang disediakan oleh SDD Heritage antaranya ialah Nulunuluw Farmstay, Sulap Dahai dan Sunduan Lodge. Nulunuluw Farmstay terletak di kawasan kebun-kebun sayur yang membolehkan pengunjung dapat merasakan udara yang sejuk dan melihat Gunung Kin-abalu dengan jelas.